

## BAHAGIAN B

## SOALAN 1 – ANEKA PILIHAN

Pilih jawapan yang betul dengan menulis A, B, C atau D di dalam petak yang disediakan.

1. Bersedekah adalah amalan yang baik di sisi agama Islam kerana menjadikan seseorang itu bersikap \_\_\_\_\_.

A. bakhil  
B. kedekut  
C. pemurah  
D. sombong

☐

2. Berikut adalah cara mematuhi peraturan di dalam bilik darjah, kecuali \_\_\_\_\_.

A. memberi salam ketika guru masuk.  
B. membersihkan sampah-sarap.  
C. membuat bising dan bermain-main.  
D. meminta izin ketika hendak keluar.

☐

3. Pemimpin yang baik ialah orang yang bersikap \_\_\_\_\_ dan tidak pilih kasih.

A. adil  
B. bengis  
C. bohong  
D. zalim

☐

4. Antara tanggungjawab pelajar terhadap sekolah ialah \_\_\_\_\_.

A. melanggar peraturan sekolah  
B. menjaga nama baik sekolah  
C. menunjukkan akhlak yang buruk  
D. merosakkan harta benda sekolah

☐

5. Kita hendaklah saling \_\_\_\_\_ dengan jiran tetangga.

A. bermusuhan  
B. caci-mencaci  
C. hina-menghina  
D. hormat-menghormati

☐

6. Mengikut Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, Sultan ialah \_\_\_\_\_.

- A. guru agama
- B. ketua negara
- C. peguam negara
- D. pengawal keselamatan

☐

7. Antara ciri-ciri rakan yang baik ialah \_\_\_\_\_.

- A. membantu ketika susah
- B. membocorkan rahsia
- C. mementingkan diri sendiri
- D. memungkir janji

☐

8. Kamu terserempak dengan beberapa orang murid yang sedang merokok di belakang dewan sekolah. Apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

- A. Ikut sama-sama merokok.
- B. Melaporkan kepada guru disiplin.
- C. Menceritakan kepada rakan-rakan.
- D. Merahsiakan perkara tersebut.

☐

9. Berjimat cermat bermaksud \_\_\_\_\_.

- A. berbelanja sesuka hati
- B. membeli barangan secara boros
- C. membeli barangan berjenama
- D. perbelanjaan secara teratur

☐

10. Salah satu lagu asli Brunei ialah \_\_\_\_\_.

- A. Bunga Rampai
- B. Bunga Seroja
- C. Samalindang
- D. Gulingtangan

☐

Lihat sebelah

11. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diputerakan pada \_\_\_\_\_.

- A. 1 Januari 1984
- B. 5 Oktober 1967
- C. 15 Julai 1946
- D. 23 September 1986

☐

12. \_\_\_\_\_ bermaksud mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara.

- A. Bersyukur
- B. Bertakwa
- C. Paramedik
- D. Patriotik

☐

13. Antara perkara yang mendorong seorang pelajar memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan adalah \_\_\_\_\_.

- A. kurang mengulangkaji di rumah.
- B. membahagikan masa belajar dengan baik.
- C. menonton televisyen hingga lewat malam.
- D. sering tidak hadir ke sekolah.

☐

14. Haikal hendak pergi ke majlis perkahwinan. Apakah pakaian yang sesuai untuk dipakainya?

- A. Baju Cara Melayu.
- B. Baju jubah.
- C. Baju kameja.
- D. Baju sukan

☐

15. Anak yang melawan ibu bapa adalah merupakan anak yang \_\_\_\_\_.

- A. baik
- B. derhaka
- C. dibanggakan
- D. terpuji

☐

16. Pelajar hendaklah \_\_\_\_\_ peraturan sekolah dengan tidak membuat perkara yang boleh mencemarkan nama baik sekolah.

- A. melanggar
- B. mematuhi
- C. membantah
- D. mengingkari

☐

17. Adab-adab yang sopan dalam keluarga ialah \_\_\_\_\_.

- A. meninggikan diri dan suka membantah cakap
- B. pembohong dan suka mengajak perbuatan jahat
- C. suka bergaduh dan saling bermusuhan
- D. merendahkan diri, ikhlas dan berbaik sangka

☐

18. Barang yang dipinjam mestilah dijaga dengan baik agar tidak \_\_\_\_\_.

- A. bersih
- B. betul
- C. cantik
- D. rosak

☐

19. Perbuatan yang baik dilakukan dalam hidup berjiran adalah \_\_\_\_\_.

- A. bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran
- B. bersikap sombong dan tidak bertegur sapa
- C. membuat bising dan suka bergaduh
- D. tidak ambil peduli terhadap semua hal

☐

20. Kita akan sentiasa dihormati oleh orang lain jika sentiasa \_\_\_\_\_.

- A. bercakap kasar
- B. bersopan santun
- C. suka berkelahi
- D. saling mengumpat

☐

[20 markah]

Lihat sebelah